



# SIARAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

## NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN SIRI V MENGGANTIKAN SIRI W BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ingin memaklumkan bahawa, Siri Nombor Pendaftaran Kenderaan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang baharu akan bermula dengan huruf "V". Siri Nombor Pendaftaran ini adalah bagi menggantikan Siri Nombor Pendaftaran Kenderaan yang bermula dengan huruf "W" sebelum ini.

Orang ramai yang berminat untuk membuat tempahan bagi siri pertama **Nombor Pendaftaran Kenderaan Siri V** boleh mengemukakan tempahan tersebut bermula pada **15 Julai 2016** sehingga **12.00 tengahari 28 Julai 2016**.

Permohonan tempahan hendaklah dikemukakan kepada:

**Pengarah**

**Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan  
Lot 14264 Jalan Genting Kelang  
53300 Setapak  
KUALA LUMPUR.**

Panduan dan syarat-syarat lanjut mengenai tempahan Nombor Pendaftaran Kenderaan Siri V boleh layari laman web rasmi JPJ di [www.jpj.gov.my](http://www.jpj.gov.my).

**IBU PEJABAT  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN,  
MALAYSIA**

**13 JULAI 2016**

**[TAMAT]**